

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 8 MEI 2015 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pengkomersialan produk digiatkan	Utusan Malaysia
2	Produk IKS berpotensi dicari	Sinar Harian
3	Perpustam, MOSTI proaktif semarak budaya membaca	Melaka Hari Ini
4	Pengeluar produk digalak mohon dana Inovasi Sosial MOSTI	Bernamea.com
5	MOSTI sasar komersilkan sekurang-kurangnya 15 peratus produk penyelidikan setahun	Bernamea.com
6	Sistem pertahanan siber negara lemah	Berita Harian
7	Calon BN, PKR mengundi pada awal pagi	Bernamea.com
8	Gempa bumi kuat landa Pulau Solomon	Bernamea.com
9	ITEX tampil 1,000 rekaan	Berita Harian
10	Programme that takes you further	The Star
11	PRK P.Pauh: Cuaca diramal mendung pada sebelah pagi hari pengundian	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 8 MEI 2015 (JUMAAT)

Pengkomersialan produk digiatkan

MELAKA 7 Mei - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi memperkenalkan program Inovasi Sosial sebagai usaha mempergiatkan pengkomersialan produk-produk inovasi di peringkat akar umbi.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Md. Diah berkata, sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan di bawah program berkenaan bagi meningkatkan kadar pengkomersialan negara.

Menurutnya, sehingga kini kadar pengkomersialan hanya mencatatkan lapan hingga sembilan peratus dan menerusi inisiatif tersebut dapat meningkatkan kadar Komersial Negara dengan sasaran 15 peratus menjelang 2020.

"Dana ini diberikan secara geran kepada pemohon yang mahu mengkomersialkan produk inovasi iaitu jumlah maksimum sebanyak

RM100,000 dan boleh dimohon mulai sekarang.

"Kita berharap dengan adanya dana berkenaan dapat meningkatkan jumlah produk inovasi yang dikomersialkan terutamanya dalam industri kecil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis penutup Perkampungan Sains Melaka di Planetarium Melaka, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur dan Pengarah Pendidikan negeri, Datuk Md. Rashid Hussin.

Abu Bakar berkata, program Inovasi Sosial yang dilancarkan sejak minggu lepas itu terbuka kepada semua peringkat dan mampu menampilkan kreativiti produk yang mempunyai inovasi.

Katanya, idea bagi Inovasi Sosial itu adalah rentetan daripada program Jejak Inovasi yang diperluaskan dengan menjelajah ke kampung-kampung untuk mencari produk yang boleh diketengahkan.

"Daripada Jejak Inovasi itu kita dapat lebih 100,000 produk dicipta dan tidak mahu produk-produk ini dibazirkan begitu sahaja.

"Kita mahu cungkil sesuatu produk itu daripada akar umbi dan dibawa ke kementerian untuk dibantu menjadi hasil inovasi yang boleh dikomersialkan, sekali gus memberi sumber pendapatan kepada mereka yang menciptanya," katanya.

Program Perkampungan Sains selama tiga hari di Planetarium Melaka itu disertai 40 guru, 60 pelajar dan 25 murid prasekolah.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (belakang, baju putih) bergambar kenangan bersama para pelajar sekolah yang mengambil bahagian dalam Perkampungan Sains Melaka di Planetarium Melaka, Ayer Keroh, semalam. - UTUSAN/NURSURAYA ZULKIFLI

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NATIONAL) : MUKA SURAT 49
TARIKH : 8 MEI 2015 (JUMAAT)

Produk IKS berpotensi dicari

AYERKEROH-Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) kini sedang mengenal pasti mana-mana produk inovasi berasaskan industri kecil untuk dikomersialkan.

Ini merupakan langkah diambil menerusi satu program baru dilancarkan, dinamakan Inovasi Sosial.

Timbalan Menteri, Prof Datuk Dr Abu Bakar Mohammad Diah berkata, program berkenaan menyasarkan produk akar umbi yang dihasilkan individu ataupun pertubuhan bukan kerajaan.

Untuk tujuan itu, katanya, Mosti diberikan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi menajayakan program ber-

kenaan yang akan diberikan dalam bentuk geran sebanyak RM100,000 bagi setiap produk terpilih.

"Mereka yang berminat boleh melakukan permohonan sekarang dan lebih kepada untuk membantu industri kecil yang ada inovasi tetapi mereka tiada duit untuk mengkomersialkan produk mereka.

"Contohnya, mereka mungkin tidak mampu hendak melakukan pembungkusan yang baik, jadi kita mengadakan dana ini dengan harapan dapat meningkatkan kadar pengkomersialan negara," katanya.

Menurutnya, kementeri-

an merasakan produk inovasi akar umbi mampu pergi jauh dan kerana itu pihaknya cuba meluluskan secepat mungkin bagi membolehkan lebih banyak produk inovasi dapat dikomersialkan.

"Produk berkenaan tidak perlu banyak tetapi ia lebih kepada kreativiti dan kita sedang mencari sesiapa yang layak bagi menambah kadar komersial negara menjelang tahun 2020," katanya selepas merasmikan penutupan Perkampungan Sains Melaka di Planetarium Melaka di sini, semalam.

Turut sama, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur.

